

PELANTIKAN YANG DI-PERTUAN AGONG

Al-Sultan Abdullah Agong ke-16

**Majlis Raja-raja
putuskan
menerusi
mesyuarat khas**

NURUL RIDUAN
NOR ASHAHA

KUALA LUMPUR

Sultana Pahang, Al-Sultan Abdullah Ri'ayatuddin Al-Mustafa Billah Shah Ibni Sultan Haji Ahmad Shah Al Musta'in Billah Shah semalam dipilih sebagai Yang di-Pertuan Agong ke-16 bagi tempoh lima tahun berkuatkuasa 31 Januari 2019.

Pemilihan baginda dibuat pada Mesyuarat Majlis Raja-Raja ke-251(Khas) di Istana Negara yang berakhir kira-kira 12.45 tengah hari.

Baginda menggantikan Sultan Muhammad V yang meletak jawatan sebagai Yang di-Pertuan Agong ke-15 berkuatkuasa 6 Januari lalu selepas memegang tampuk pemerintahan negara sejak 13 Disember 2016.

Mesyuarat turut menyaksikan Sultan Perak, Sultan Nazrin Shah sekali lagi dipilih sebagai Timbalan Yang di-Pertuan Agong bagi tempoh sama.

Menurut kenyataan Penyimpan Mohor Besar Raja-



Dari kiri: Sultan Sallehuddin, Sultan Sharafuddin Idris Shah, Al-Sultan Abdullah dan Sultan Nazrin ketika keberangkatan pulang selepas mesyuarat di Istana Negara.



Raja-Raja Melayu bersedia memulakan pengundian bagi memilih Yang di-Pertuan Agong ke-16 dan Timbalan Yang di-Pertuan Agong.

Raja Tan Sri Syed Danial Syed Ahmad, Mesyuarat Khas Majlis Raja-Raja yang diperlakukan Sultan Terengganu, Sultan Mizan Zainal Abidin itu dihadiri semua Raja-Raja Melayu kecuali Kelantan.

Kenyataan itu menyebut, menurut peruntukan Paragraf 3, Bahagian Pertama Jadual Ketiga Perlembagaan, keputusan Majlis Raja-Raja telah dikemukakan kepada kedua-dua Dewan Parlimen.

Susunan penggiliran pertama pelantikan Yang di-Pertuan Agong dilakukan atas persetujuan Raja-raja negeri-negeri mengikut kekanan dari segi tempoh pemerintahan yang dimulakan dengan Negeri Sembilan, Selangor, Perlis, Terengganu,



Raja-Raja Melayu berkenan mendengar penerangan daripada Syed Danial pada Mesyuarat Khas Majlis Raja-Raja di Istana Negara, semalam.

Kedah, Kelantan, Pahang, Johor dan Perak.

Hanya Raja-raja, Penyimpan Mohor Besar Raja-raja dan Penolong Setiausaha Majlis Raja-Raja sahaja terlibat proses pemilihan itu.

"Perdana Menteri juga telah dimaklumkan," kata

Syed Danial.

Penyimpan Mohor Besar Raja-Raja dalam kenyataan pada 7 Januari lalu berkata, Majlis Raja-Raja memutuskan istiadat melafaz sumpah jawatan dan menandatangani surat memegang jawatan Yang di-Pertuan Agong baha-

ru dan Timbalan Yang di-Pertuan Agong ditetapkan pada 31 Januari ini.

Sementara itu, menurut laman web rasmi Pejabat Penyimpan Mohor Besar Raja-raja, semasa pemilihan, Penyimpan Mohor Besar Raja-raja membekalkan satu

kertas undi setiap Raja.

Setiap Raja diminta menandakan pendapatnya sama ada Raja paling kanan (satu nama sahaja) sesuai atau tidak dipilih sebagai Yang di-Pertuan Agong.

Calon mestilah mendapat majoriti lima undi sebelum Raja yang mempergunakan Mesyuarat Pemilihan menawarkan jawatan Yang di-Pertuan Agong kepada baginda.

Jika Raja yang berjaya tidak menerima tawaran ataupun Raja itu gagal memperoleh undi majoriti, proses pengundian semula akan dijalankan iaitu dengan mencalonkan nama Raja yang kedua dalam senarai kekanan yang layak dipilih untuk diundi.